

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans kerugian berikutan kebakaran anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Januari 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Insurans Kerugian Berikutan Kebakaran?

Polisi Insurans Kerugian Berikutan Kebakaran memberi perlindungan kepada anda daripada kerugian ke atas untung, pendapatan, sewa, tanggungan tetap, upah atau gaji berdasarkan rekod gaji dan penambahan dalam kos kerja yang berpunca daripada gangguan perniagaan sebagai akibat kebakaran dan/atau lain-lain peril yang ditambahkan.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, premis hotel dengan jumlah diinsurans sebanyak RM500,000.00 (kelas pembinaan 1A), anda akan mendapat perlindungan kerugian berikutan kebakaran berikut dengan bayaran sebanyak RM570.00 setiap tahun (tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem):

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
<p>Anda boleh memilih untuk menginsuranskan mana-mana yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">Kerugian Untung Kasar (perlindungan dasar perbezaan atau dasar tambahan)Kerugian Pendapatan KasarKerugian Sewa KasarTanggungan Tetap SahajaUpah (dwi dasar atau 100% atau pro-rata)Upah dan gaji berdasarkan rekod gajiPenambahan kos kerja sahaja	<ul style="list-style-type: none">Kerugian oleh kejadian luar biasa yang terjadi ketika tempoh tergendalaKerugian oleh sekatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa terhadap pembinaan semula atau operasi perniagaanKerugian akibat kekurangan modal yang mencukupi untuk pemulihan atau penggantian harta yang musnah, rosak atau hilangKerugian akibat kebakaran harta di bawah perintah oleh mana-mana pihak berkuasa awamKebakaran bawah tanahPerang, Perang saudara dan apa-apa tindakan keganasanRisiko radioaktif dan tenaga nuklearPengenalpastian tarikhKerosakan harta kepada data atau perisian <p><i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.</i></p>

Anda boleh menambahkan perlindungan ke atas risiko berikut dengan membayar premium tambahan:

- Kepada Pembekal Yang Dinamakan
- Kepada Pembekal Yang Tidak Dinamakan
- Kepada Pelanggan Yang Dinamakan
- Penyekatan Laluan
- Kemudahan Awam
- Pembunuhan, Bunuh Diri, Makhhluk Perosak, Keracunan Makanan atau Minuman; atau Kegagalan Penyelenggaraan Kebersihan

Sebagai tambahan, anda boleh menginsuranskan bayaran yuran Akauntan sebagai butir tambahan di bawah polisi ini.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kerugian berikutan kebakaran, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
The Pacific Insurance Berhad



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi insurans ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard	RM570.00 setiap tahun
Perlindungan Tambahan	Penyekatan Laluan (RM70.00)
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM640.00	

Nota: Polisi ini tertakluk kepada premium minima sebanyak RM75.00 untuk risiko komersial dan RM60.00 untuk risiko kediaman.

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	RM10.00 (layak mendapat pengecualian sehingga 31 Disember 2028 dengan syarat jika pemegang polisi adalah seorang individu, dan premium kasar tahunan tidak melebihi RM150; atau ialah MSME dengan syarat sijil MSME yang sah mesti diserahkan, dan premium kasar tahunan tidak melebihi RM250)
Komisen	15% daripada premium atau RM96.00 (termasuk dalam jumlah premium)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM51.20

4. Terma-terma penting yang lain

- Anda boleh menginsurans berdasarkan nilai anggaran dengan mengambil kira Keuntungan Kasar / Pendapatan Kasar / Sewa Kasar bagi tahun sebelumnya, seperti yang tertera di dalam penyata akaun anda termasuk jangkaan keuntungan bagi tahun semasa, jika ada. Jika jumlah sebenar yang diperolehi adalah kurang daripada anggaran nilai yang diinsuranskan, pulangan premium secara pro-rata tidak melebihi lima puluh peratus (50%) daripada peruntukan premium yang telah dikeluarkan berdasarkan perbezaan pada nilai tersebut.
- Polisi ini akan terbatal jika syarikat anda ditamatkan atau diambil alih oleh Pembubar Syarikat atau Pemegang Amanah Raya atau berhenti beroperasi selama-lamanya.
- Polisi ini hanya akan diluluskan apabila Polisi Insurans Kebakaran telah diambil dengan pihak kami.
- Premium mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam masa 60 hari dari hari perlindungan bermula, jika tidak perlindungan ini adalah dibatalkan secara automatik dan anda masih bertanggungjawab bagi premium pro rata pada tempoh hari-hari yang kami masih menanggung risiko.
- Anda dikehendaki mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan dan apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam keadaan itu boleh dijangka tahu sebagai berkaitan.
- Anda mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Tempoh perlindungan ialah selama setahun. Anda dikehendaki membaharui Polisi Insurans anda setiap tahun.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada The Pacific Insurance Berhad dengan syarat tiada tuntutan yang timbul semasa tempoh insurans semasa. Walau bagaimanapun, bayaran balik premium tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam polisi ini.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

(a) **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia**

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK

(b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my